

# Petani, nelayan dan penternak tiada sebab hidup miskin — PM

UM 2 OCT 2002  
KUALA LUMPUR 1 OKT. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tiada sebab untuk para petani, nelayan dan penternak di negara ini untuk terus hidup dalam kemiskinan jika mereka rajin berusaha.

Ini kerana menurut Perdana Menteri, golongan tersebut boleh memperoleh pendapatan yang jauh lebih baik jika pandai memanfaatkan masa lapang mereka.

Ujar beliau, walaupun kebanyakan petani dan nelayan memiliki modal yang kecil, namun mereka masih boleh meningkatkan hasil jika menggunakan teknologi yang lebih baik.

Dr. Mahathir berkata, kebanyakan mereka yang hidup miskin adalah terdiri daripada golongan yang masih mengekalkan cara kerja lama serta tidak mahu melakukan pekerjaan lain sebagai sumber pendapatan tambahan.

“Kalau kita sanggup mengubah cara bekerja, bukan sahaja kita akan memperoleh pendapatan yang sama dengan orang lain, tetapi mungkin lebih daripada itu,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan serentak sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2002; Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan Malaysia 2002 (MAHA 2002) serta Konvensyen

Agritech Malaysia 2002 di Seri Kembangan dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada 11 pemenang anugerah pelbagai kategori kepada para peladang jaya, penternak dan nelayan serta beberapa buah persatuan berkaitan.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, dalam usaha menambahkan pendapatan, golongan tersebut boleh mengambil contoh apa yang dilakukan oleh pekerja kilang.

Katanya, pekerja kilang biasanya bekerja selama lapan jam sehari dan enam hari seminggu sedangkan waktu bekerja para petani, nelayan dan penternak jauh lebih singkat.

Misalnya, jelas beliau, pesawah tempatan hanya bekerja beberapa hari sahaja dalam setahun kerana sawah mereka tidak perlu dikerjakan setiap hari. Walaupun begitu, ujarnya, itu tidak bermakna mereka tidak perlu bekerja sepanjang tidak turun ke sawah.

Dalam hal ini, Perdana Menteri percaya bekerja adalah satu penawar yang cukup baik sebagai pencegahan daripada terkena penyakit walaupun belum dibuktikan secara saintifik oleh mana-mana pihak.

“Misalnya, kita lihat nelayan dan peladang kita sihat kerana mereka bekerja kuat.

“Jika mereka bekerja secara tertib selama lapan jam sehari dan enam hari seminggu, bukan sahaja mereka bertambah sihat malah pendapatan turut bertambah,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, negara memerlukan petani, penternak dan nelayan yang memiliki kelulusan tinggi sejajar dengan perkembangan teknologi dalam bidang pertanian sekarang.

Menurutnya, dengan kelulusan yang ada akan membolehkan mereka menjadi pengurus dan usahawan dalam industri pengeluaran makanan serta berupaya pula mengusahakannya pada skala lebih besar.

Selain itu, katanya, golongan tersebut juga boleh membantu melahirkan lebih banyak industri berkaitan pertanian dan penternakan di samping penerokaan bidang-bidang baru secara besar-besaran.

“Sebab itu Bajet 2003 sekali lagi kita beri tumpuan kepada pertanian supaya sektor ini menjadi lebih moden dan diusahakan secara besar-besaran,” katanya.

Untuk mencapai matlamat itu juga, Perdana Menteri mengesyorkan agar para petani yang mempunyai keluasan tanah yang kecil bergabung supaya hasil yang lebih baik dapat diperoleh di samping mampu memberikan pendapatan tetap kepada mereka.